

PPNJ/(O)2/1.359(2)

23 September 2024  
19 Rabiulawal 1446H

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tuan,

**PELAWAAN SEBUTHARGA BAGI CADANGAN KERJA – KERJA MEMBAIKPULIH  
KEROSAKAN BANGUNAN PUSAT PERINDUSTRIAN MAKANAN DI MACHAP  
SEBUTHARGA PPNJ BIL.11/2024**

Adalah dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Kontraktor yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **SSM** dan **Lesen CIDB Gred G1 Pengkhususan B04** adalah dipelawa menyertai pelawaan sebutharga ini.
3. Dokumen sebutharga boleh diperolehi semasa lawatan tapak dengan harga **RM50.00** senaskah. Pembayaran boleh dibuat melalui Bank Draft sahaja. Wang tunai tidak dibenarkan.
4. Lawatan tapak akan diadakan pada **01 Oktober 2024 (Selasa) jam 10.00 pagi**. Penyebutharga dikehendaki berkumpul di **Pusat Perindustrian Makanan Machap PPNJ**. Sila bawa lesen yang berkenaan untuk pengesahan dan hanya penyebutharga yang menghadiri lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen sebutharga.
5. Deposit berjumlah **RM500.00** (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) perlu disediakan melalui Bank Draft diatas nama Pertubuhan Peladang Negeri Johor dan disertakan bersama Dokumen Sebutharga yang dikemukakan.
6. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri dan dinyatakan dengan jelas tajuk sebutharga disebelah kiri atas sampul surat. Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga sebelum atau pada **08 Oktober 2024 (Selasa) jam 12.00 tengahari** di atas nama dan alamat berikut :

**Pengurus Besar  
Pertubuhan Peladang Negeri Johor  
Wisma Peladang  
No. 9-9E, Jalan Selat Tebrau  
80000 Johor Bahru, Johor**

PPNJ/(O)2/1.359( 2 )

7. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Penolong Pengurus Teknikal & Hartanah (En. Abdul Munim Aslam bin Masri) ditalian 019-735 0809, Pejabat 07-208 2000 - Ext. Bahagian Pengurusan Risiko / Unit Perolehan dan Faks 07-208 1000 didalam waktu pejabat. PPNJ tidak terikat untuk menerima mana – mana tawaran yang dikemukakan dan semua keputusan yang dibuat adalah muktamad.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Tema Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023

**"KETERJAMINAN MAKANAN UNTUK MASA DEPAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(SHAHRIZAN BIN KHAIRUDIN)**  
Pengurus Besar  
Pertubuhan Peladang Negeri Johor

s.k. :

Timbalan Pengurus Besar Operasi	-	makluman tuan
Timbalan Pengurus Besar Pembangunan	-	makluman tuan
Ketua Bahagian Pengurusan Risiko	-	makluman & tindakan puan
Ketua Bahagian Kewangan	-	makluman tuan
Penolong Pengurus Perolehan	-	makluman & tindakan puan